

DATE : 15 October 2012
PUBLICATION : Utusan Online
SECTION : -
HEADLINE : Maybank AM sasar takluk Asia



Maybank AM sasar takluk Asia

Oleh SARAH NADLIN ROHIM
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM) menasarkankan untuk menjadi pemain utama dalam industri pengurusan aset di rantau Asia pada 2017.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nor Azamin Salleh berkata, sasaran itu selari dengan inisiatif Malayan Banking Bhd. (Maybank) untuk menyepadukan semua perniagaan pengurusan asetnya, termasuk Maybank Ventures di Malaysia, KE Capital Partners di Singapura, Pengurusan Aset KimEng di Thailand dan ATR Kim Eng di Filipina di bawah satu bumbung.

Selain itu, dengan langkah ini kami boleh mengoptimumkan keupayaan skala ekonomi, mencapai kecekapan proses kerja dan meningkatkan capaian Maybank merentas serantau," katanya di sini.

Beliau berkata, secara kolektif, kumpulan Maybank AM menasarkankan untuk menjana aset di bawah pengurusan sebanyak RM37 bilion menjelang 2015 dengan unjuran pertumbuhan aset di bawah pengurusan kira-kira 50 peratus setiap tahun.

Jelasnya, Maybank AM akan bekerjasama dengan Maybank Kim Eng untuk mengukuhkan asas kukuh dalam perniagaan bagi menyokong pelan pertumbuhan.

Menurutnya, Maybank AM mempunyai kekuatan unik dalam penyelidikan dan memahami secara mendalam keupayaan pasaran di negara-negara operasi.

Jelas beliau, Asia menjadi pilihan Maybank AM kerana tinjauan positif terhadap kestabilan dan potensi kenaikan ekonominya, di samping permintaan tinggi terhadap produk-produk pelaburan.

Mengulas mengenai prospek di Asia, Azamin berkata, pengurus-pengurus aset antarabangsa memasuki pasaran Asia kerana wujud peluang-peluang pertumbuhan di rantau ini.

Katanya, para pelabur global pula kembali ke Asia dan ASEAN kerana pasaran tersebut kini adalah syurga pelaburan.

Di sebalik pertumbuhan ekonomi perlahan dua gergasi Asia iaitu China dan India, kami masih yakin Asia secara keseluruhannya boleh mencatat pertumbuhan pada kadar sederhana.

Ini disokong oleh jangkaan pertumbuhan positif dalam tempoh awal tahun ini bagi industri pengurusan aset di Asia, kecuali Jepun, yang berkembang sehingga AS\$4 trilion menjelang 2015," katanya.

Azamin menjelaskan, pembentukan platform rantaian perdagangan ASEAN itu merupakan landasan yang membawa Maybank AM kepada peluang pertumbuhan di rantau ini kerana ia memudahkan akses para pelabur kepada pilihan pelaburan yang lebih luas di pasaran ASEAN.

Katanya, pendorong bagi perkembangannya adalah peningkatan kekayaan di rantau ini, kenaikan kadar faedah asing dan penarikan baru aset daripada insurans dan dana persaraan.

Matlamat kami adalah untuk memantapkan kedudukan kami di ASEAN dan kemudiannya di Asia," ujar beliau.